

HOMEROOM DI MRSM

1.0 PENDAHULUAN

Idea tentang Homeroom ini telah diperkenalkan sejak tahun 1972 di MRSM Seremban dan kemudiannya dikembangkan ke MRSM-MRSM lain. Sejak itu program Homeroom menjadi sebahagian program MRSM yang tidak boleh dipisahkan daripada program-program lain di MRSM.

Program Homeroom sebagai teras kepada sistem pendidikan MRSM adalah untuk mendidik pelajar menjadi matang dan menjadi manusia lengkap untuk menghadapi cabaran masa depan. Proses pendidikan ini dibimbing oleh seorang guru penasihat. Di samping proses pembelajaran akademik, pelajar juga akan didedahkan dengan budaya penerokaan sejajar dengan penerokaan bidang Sains (Scientific Enquiry) melalui program pengayaan.

2.0 RASIONAL PENUBUHAN HOMEROOM

1. Pelajar-pelajar MRSM yang berbeza pengetahuan, pencapaian, pengalaman dan latar belakang sosioekonomi perlu diberi pendedahan supaya wujud persefahaman dan perasaan kekitaan dalam kalangan mereka.
2. Corak atau cara hidup di MRSM yang berbeza memerlukan pelajar mendapat bimbingan dan tujuk ajar supaya mereka memahami situasi dan cara hidup yang baru itu melalui agensi tertentu.
3. Program Homeroom membolehkan perhatian dan bimbingan kepada kanak-kanak yang masih dalam perkembangan dan pertumbuhan ke arah kematangan. Pada peringkat umur ini, pelajar begitu mudah mengalami gangguan emosi dan mudah tersinggung oleh sebab-sebab yang kecil, remeh atau tidak munasabah pada tanggapan orang dewasa. Oleh itu, masalah emosi pelajar-pelajar perlu mendapat perhatian dan bimbingan daripada orang-orang dewasa.
4. Kanak-kanak sangat memerlukan seseorang sebagai tempat untuknya mengadu hal dan menyatakan masalah peribadi. Oleh itu, satu suasana yang memungkinkan pelajar-pelajar memenuhi keperluan seperti ini perlu disediakan.
5. Selaras dengan pendekatan yang diadakan di MRSM seperti pemusatan kepada pelajar dan belajar melalui penemuan, maka kesempatan untuk pelajar-pelajar mendapat bimbingan yang lebih bermakna perlu diadakan.
6. Homeroom boleh memberi kesempatan dan mewujudkan suasana perhubungan yang rapat dan saling memahami antara guru dengan pelajar. Perkara ini adalah penting untuk mewujudkan suasana pembelajaran menarik.
7. Menyediakan kesempatan untuk guru-guru memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik yang sebenarnya dalam kurikulum MRSM.


3.0 DEFINISI HOMEROOM

Sekumpulan pelajar sebaya menjalani hidup bersama dalam suasana persaudaraan dengan seorang guru penasihat yang berfungsi sebagai pembimbing dan penjaga dalam ruang dan waktu yang tidak terbatas.

4.0 PERANAN HOMEROOM

Program Homeroom sebagai teras kepada sistem pendidikan MRSM adalah untuk mendidik pelajar menjadi matang dan menjadi manusia lengkap untuk menghadapi cabaran masa depan. Proses pembelajaran pelajar semasa menjadi pelajar MRSM adalah seperti gambar rajah berikut

Gambar rajah Homeroom sebagai teras pendidikan di MRSM Oleh hal yang demikian, diharapkan Homeroom memainkan peranan berikut:



Gambar rajah Homeroom sebagai teras pendidikan di MRSM

1. Menjadi teras dan pusat kegiatan seluruh aktiviti pembelajaran dan perkembangan pelajar semasa mereka menjadi pelajar MRSM.
2. Mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih hidup dan praktikal berasaskan hubungan mesra. Perkara ini boleh memberikan kepuasan belajar kepada individu atau kumpulan.
3. Melengkapkan diri pelajar-pelajar dengan pelbagai pengetahuan dan pengalaman ke arah melahirkan individu yang berfikiran rasional, kritikal, berpandangan jauh, cepat dan tepat membuat keputusan mahupun secara individu atau kumpulan.
4. Membentuk sikap dan sahsiah yang dinamis, berinisiatif, sanggup bekerja keras, berani mencuba, tabah, bercita-cita tinggi, bertanggungjawab dan berdikari.
5. Menyedia dan melengkapkan diri pelajar-pelajar dengan nilai-nilai kemasyarakatan dan kenegaraan.

5.0 FUNGSI HOMEROOM

Selaras dengan objektif dan tujuan-tujuannya, keluarga pelajar harus berfungsi sekurang-kurangnya seperti perkara di bawah:

1. Sebagai satu unit keluarga Guru penasihat sebagai pengganti penjaga pelajar-pelajar di MRSM mestilah merasakan bahawa pelajar-pelajar di bawah jagaannya adalah seperti anak atau keluarganya sendiri dalam konteks memberikan pelajar-pelajar bimbingan dan didikan.

2. Saluran Mengesan dan Menyelesaikan Masalah Menjadi satu medan dan lebih praktikal dalam mengesan dan menyelesaikan masalah-masalah pelajar, tempat untuk mengadu hal dan membincangkan masalah-masalah mereka.

3. Saluran Pembentukan Sikap

Satu saluran untuk membentuk sikap-sikap yang positif dalam kalangan pelajar seperti sikap bertanggungjawab, berani mencuba, tidak mudah putus asa, sanggup menerima risiko atau kritikan secara rasional, memupuk dan mengukuhkan sikap berdikari, menghasilkan sesuatu kerja dengan baik, suka membantu orang lain, suka berlumba-lumba untuk sesuatu yang positif dengan cara yang baik di samping berfungsi untuk mengesan dan menghapuskan sikap negatif dalam kalangan pelajar.

4. Medan Pembentukan Keperibadian Membentuk dan memupuk sifat-sifat yang mencerminkan keperibadian warga Malaysia yang matang, bersahsiah dinamis, bertatasusila dan mempunyai kesedaran sivik yang tinggi.

5. Saluran Mengembangkan Minat Mengesan bakat, minat dan perasaan ingin tahu pelajar serta menyalurkannya mengikut kemampuan pelajar, memberikan dorongan dan bimbingan kepada pelajar untuk mengembangkan bakat atau minat mereka serta meninggikan motivasi pencapaian pelajar dalam bidang yang diceburi oleh mereka.

6. Badan Kebajikan

6.0 OBJEKTIF HOMEROOM

1. Membantu pelajar-pelajar menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka sama ada yang bersifat umum atau peribadi.

2. Memberikan bimbingan yang sempurna pada setiap aspek perkembangan pelajar dalam proses pembelajaran.

3. Memupuk semangat dan perasaan persaudaraan, kekitaan dan tanggungjawab bersama yang tinggi dan menyeluruh.

4. Menyalurkan minat ingin tahu dan bakat pelajar mengikut kemampuan dan peringkat pelajar.

5. Mengesan dan menolong pelajar-pelajar yang menghadapi masalah emosi.

6. Membantu pelajar-pelajar menyesuaikan diri dengan kehidupan di MRSM.

7. Mengembangkan bakat pelajar-pelajar dalam pelbagai bidang.

8. Meninggikan dan menyalurkan sifat ingin tahu dan minat pelajar.

9. Menggalakkan pelajar merancang dan melaksanakan sendiri aktiviti mereka.
10. Memperoleh pengetahuan dan pengalaman melalui penglibatan diri sendiri.
11. Memupuk perpaduan dan persefahaman dalam kalangan pelajar.
12. Menanamkan sifat bertanggungjawab dan kasih akan MRSM.
13. Mewujudkan hubungan yang mesra antara guru dengan pelajar.
14. Merancang dan mengadakan aktiviti riadah.
15. Mengawasi tingkah laku atau disiplin pelajar.
16. Mengadakan kegiatan bimbingan dan runding cara.
17. Mempelajari dan memahami nilai-nilai masyarakat.
18. Memupuk sifat-sifat terpuji dan berhemah tinggi.
19. Meningkatkan kesedaran sivik dan perasaan kewarganegaraan Malaysia.

SISTEM MERIT DEMERIT HOMEROOM

Sistem Merit Demerit Homeroom MRSM PDRM merupakan sebuah kesinambungan pertandingan daripada program/aktiviti anjuran Unit Pembangunan Homeroom. Penilaian bagi pemenang homeroom terbaik dijalankan berdasarkan skema yang telah ditetapkan oleh Unit Pembangunan Homeroom Maktab (UPHR). Antara objektif utama pertandingan antara homeroom adalah untuk:

- a) Menggalakkan setiap homeroom aktif dengan pelbagai aktiviti.
- b) Mendisiplinkan pelajar dalam pelbagai aspek.
- c) Menggalakkan peningkatan prestasi akademik secara berterusan.
- d) Menjadikan MRSM PDRM sebagai sebuah institusi pendidikan yang menyediakan suasana kekeluargaan yang utuh antara guru, staf dan pelajar.

Setiap homeroom akan diberikan markah permulaan sebanyak **500** markah dan penilaian akan bermula pada bulan Januari sehingga September. Penganugerahan Homeroom mengikut kategori akan diadakan pada Majlis Anugerah Homeroom. Proses penambahbaikan untuk pertandingan ini dijalankan dari semasa ke emasa untuk memastikan perkara ini berjalan dengan lancar dan dapat dihayati oleh setiap homeroom.

ANUGERAH HOMEROOM

BIL.	KATEGORI ANUGERAH
1	HOMEROOM TERBILANG MRSM PDRM 2020
2	HOMEROOM TERBAIK SETIAP TINGKATAN
3	HOMEROOM CEMERLANG AKADEMIK
4	HOMEROOM CEMERLANG KOKURIKULUM
5	HOMEROOM CEMERLANG KHIDMAT MASYARAKAT
6	HOMEROOM CEMERLANG KEUSAHAWANAN
7	HOMEROOM ULUL ALBAB
8	HOMEROOM DISIPLIN TERBAIK DAN SIFAR DEMERIT

9	HOMEROOM POINTER 3.5 KE ATAS
10	HOMEROOM PALING BERJASA
11	HOMEROOM PERMATA HATI
12	BATCH HOMEROOM KURANG DEMERIT
13	HOMEROOM TERBAIK BULANAN KATEGORI MENENGAH RENDAH DAN MENENGAH ATAS
14	FAIL HOMEROOM TERBAIK MENGIKUT TINGKATAN
15	IG/ALBUM/FOLIO HOMEROOM TERBAIK
16	PENGHANTARAN LAPORAN HOMEROOM TERBAIK
17	PENAMPILAN HOMEROOM SEHATI SEJIWA
18	PENASIHAT HOMEROOM TERBAIK
19	PRESIDEN DAN SETIAUSAHA HOMEROOM TERBAIK

CADANGAN PEMERKASAAN HOMEROOM MRSM PDRM

1. MRSM PDRM akan melaksanakan sistem merit demerit pada tahun ini, ke arah matlamat pemerkasaan aktiviti dan menambahbaik disiplin pelajar melalui peranan Homeroom.
2. Kehadiran penasihat akan diberi perhatian sewajarnya. Kehadiran guru penasihat akan direkod dalam pendaftaran homeroom bermula pukul 3.15-3.30 ptg setiap Isnin.
3. Salah satu pembaharuan unit Pembangunan Homeroom 2020, untuk mengelakkan pelajar berkeliaran ketika ketiadaan guru, akan diwujudkan guru penasihat bersama mengikut tingkatan. Guru penasihat bersama akan mengambil alih pertemuan ketika guru penasihat bercuti, kursus, mesyuarat dll tugas rasmi. Diharap guru- guru penasihat boleh berkolaborasi dalam menjalankan tugas.
4. Pertemuan Homeroom wajib sekali seminggu, manakala perjumpaan tidak formal juga sekali seminggu, di luar waktu pertemuan.
5. Fokus homeroom 2020 untuk menyediakan aktiviti ke arah pembentukan sahsiah dan penerapan nilai kemahiran insaniah pelajar.
6. Guru- guru penasihat homeroom turut dinilai untuk kriteria Anugerah Homeroom Terbaik dan Anugerah Penasihat Homeroom Terbaik 2020.
7. Guru- guru perlu memastikan tugas sebagai penasihat Homeroom dijalankan sebaik mungkin, termasuk membina hubungan harmonis bersama ibu bapa pelajar. Cadangan untuk mewujudkan satu mekanisme untuk memudahkan komunikasi antara guru dengan ibu bapa.
8. Merancang aktiviti yang menarik di luar perancangan unit pembangunan Homeroom, serta mewujudkan kasih sayang dalam Homeroom.
9. Mengenal dan memahami anak- anak homeroom, selain membantu menyelesaikan masalah mereka dengan berhemah.
10. Membantu perkembangan akademik anak- anak homeroom, memberi galakan moral untuk mereka cemerlang secara berterusan.
11. Membina suasana Homeroom penuh kasih sayang, menerapkan nilai menghormati guru penasihat, dan nilai hormat- menghormati sesama ahli homeroom.

PROGRAM ANJURAN UPHR 2020
MRSM PDRM KULIM

BIL.	PROGRAM	SASARAN	TARIKH	TEMPAT	CATATAN
1.	Pertemuan rasmi homeroom berjadual dan mengikut tema yang telah ditetapkan oleh pihak UPHR	Semua ahli homeroom dan guru penasihat homeroom	Setiap Isnin (bagi minggu tiada perhimpunan rasmi) / Setiap Rabu (bagi minggu yang ada perhimpunan rasmi)	Tempat pertemuan homeroom yang telah ditetapkan bergantung kepada aktiviti yang dijalankan	Berjalan lancar dan berlangsung pada setiap minggu
2.	Program Keusahawanan HRpreneur : Mini Food Carnival (mengikut tingkatan)	Semua ahli homeroom dan guru penasihat homeroom	Setiap hari Isnin (3.00 petang – 5.00 petang)	Kawasan parking di gelanggang bola tampar	Akan diadakan pada semester kedua 2020 (bulan Julai)
3.	'High Table' Program Makan Beradab	Semua ahli homeroom dan guru penasihat homeroom (melibatkan tiga homeroom bagi setiap sesi)	Setiap hari Selasa	Dewan Selera MRSM PDRM	Akan diadakan pada semester kedua 2020 (bulan Julai)
4.	Piknik Durian dan Buah-buahan tempatan	Semua ahli homeroom dan guru penasihat homeroom	Pada hari Isnin sewaktu perjumpaan homeroom	Kawasan sekitar maktab	Tidak dapat dilaksanakan kerana tiada sesi persekolahan bermula 18 Mac 2020 sehingga akhir Jun 2020
5.	Pertandingan Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan	Semua ahli homeroom dan guru penasihat homeroom	Pada hari Isnin sewaktu perjumpaan homeroom	Dewan Seri Lanang	Tidak diadakan kerana program ini telah dilaksanakan oleh Unit Sejarah MRSM PDRM Kulim sejak tahun 2019
6.	Majlis Anugerah Homeroom 2020	Semua ahli homeroom dan guru penasihat homeroom	Oktober 2020	Dewan Seri Lanang	-
7.	Konvensyen Homeroom MRSM Se-	Kontinjen yang	Mengikut tarikh yang	-	-

	Malaysia 2020	mewakili maktab	ditetapkan oleh pihak BPM		
8.	Program Merit Demerit	Semua ahli homeroom	Telah dilaksanakan bermula pada bulan Februari 2020 sehingga Oktober 2020	-	Program ini telah bermula pada 17 Februari 2020 dan telah tertangguh seketika berikutan tiada sesi persekolahan sepanjang tempoh PKP berlansung bermula pada 18 Mac sehingga akhir Jun 2020.